# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Pejabat Pos (Pindaan) 1983**

**DR.27/1983**

D. R. No. 27 83

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

# RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.**

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1983 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Seksyen baru 14B.** *Akta 211.*

**2.** Akta Pejabat Pos 1947 adalah dipinda dengan memasukkan dalam Bahagian III, selepas sahaja seksyen 14A, seksyen baru 14B yang berikut:

**"Provision of telepost services.**

14B. (1) Notwithstanding anything contained in this Act, the Postal Department may provide telepost services.

(2) In this section—

"telecommunication" shall have the same meaning as in the Telecommunications Act 1950; *Act 20.*

"telepost services" means services whereby the Postal Department does all or any of the following:

(*a*) receives or collects in material form communications which are to be transmitted by means of a telecommunication system;

(*b*) transmits by means of such a system communications which have been received or collected, or are to be delivered, in material form; and

(*c*) delivers in material form communications which have been transmitted by means of such a system.".

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pejabat Pos 1947.

2. *Fasal 2* mengemukakan satu seksyen baru iaitu seksyen 14B. Seksyen baru ini memberi kuasa kepada Jabatan Pos untuk memperkenalkan satu jenis perkhidmatan baru yang dikenali sebagai "perkhidmatan telepos" ("telepost services"). Melalui perkhidmatan ini orang ramai boleh, melalui pejabat-pejabat pos, menghantar dengan segera dengan cara sistem telekom salinan *facsimile* dokumen-dokumen dari satu tempat ke satu tempat lain.

### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U2) 1151.]